



RECODA
REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY


REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY

NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada semua Firma Perunding yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) serta tempoh pendaftaran yang masih sah mengikut bidang (*discipline*) yang berkaitan bagi menyertai tender seperti berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Syarat Penyertaan Tender	Bilangan Minimum Kakitangan Profesional yang diperlukan (Ikhtisas/ Separa Ikhtisas)	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh / Masa Dokumen Pelawaan Dijual	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Pelawaan	Tarikh Tutup / Masa Penyerahan Dokumen Pelawaan
RCDA/T/06/26/CS/004	PROPOSED CONSTRUCTION OF NEW ROAD FROM RANGAU TO KUALA LIMBANG, LIMBANG DISTRICT, LIMBANG DIVISION (PHASE 2)	Berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), di bawah bidang Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Struktur	Peringkat Rekabentuk 6 Ikhtisas Peringkat Penyelesaian Tapak 2 Ikhtisas & 3 Separa Ikhtisas	RM50.00 (Dokumen dijual dalam bentuk CD)	18 Jun hingga 26 Jun 2026 Masa: 9.00 – 4.00 petang	26 Jun 2026 4.00 Petang	9 Julai 2026 12.00 tengahari

2. Sekiranya firma perunding tidak mampu memenuhi kriteria bilangan kakitangan profesional ikhtisas / separa ikhtisas yang dikehendaki oleh Agensi, firma perunding adalah dibenarkan untuk *outsource* kakitangan sementara atau bergabung dengan firma lain (berdaftar dengan UPKJ) dalam bidang (*discipline*) yang berkaitan secara *project basis*.
3. Firma perunding hendaklah mengemukakan Cadangan Kos mengikut ketetapan seperti berikut:-
- 3.1 Firma perunding boleh mengemukakan Cadangan Kos selain daripada menggunakan Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees*). Walau bagaimanapun, Skala Yuran Piawai (Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Ukur Tanah) boleh digunakan sebagai panduan sahaja dan Kerajaan tidak terikat untuk membuat bayaran yuran perkhidmatan perunding berdasarkan pematuhan kepada Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees*);
- 3.2 Sekiranya penyelesaian tapak (*site supervision*) diperlukan, yuran tapak hendaklah disediakan berdasarkan kepada Input Masa (*Time-Input*);
- 3.3 Kos imbuhan balik (*reimbursable*) hendaklah tidak melebihi kadar yang ditetapkan; dan
- 3.4 Sekiranya Cadangan Kos melibatkan Input Masa (*Time-Input*), maka Faktor Pengganda pembangunan fizikal seperti di Jadual 5.4, Bab 5 Kos Perkhidmatan Perunding dalam pekelliling Seliausaha Kewangan Negeri yang sedang berkuatkuasa hendaklah diguna pakai.
4. Dokumen Pelawaan hanya akan dijual kepada individu atau wakil seperti berikut. Individu atau wakil tersebut hendaklah mengemukakan SURAT PENDAFTARAN PERUNDING, SURAT PERWAKILAN KUASA (Jika berkenaan) sebelum dokumen pelawaan dijual kepada perunding yang layak.
- a. Pemilik / Pengarah firma perunding; atau
- b. Individu yang diberi kuasa dalam urusan perolehan seperti nama yang tertera dalam Surat / Sijil Pendaftaran Perunding; atau
- c. Wakil yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Pengarah sekiranya nama individu tersebut tidak tertera dalam Surat / Sijil Pendaftaran Perunding; atau
- d. Wakil daripada firma gabungan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Pengarah daripada firma gabungan yang menyertai tender ini secara gabungan.
5. Bayaran yuran dokumen pelawaan (dokumen dijual dalam bentuk CD) hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Tunai atau Sarawak Pay (Spay Global) atau Draf Bank yang dibayar atas nama Regional Corridor Development Authority. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
6. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan dan pihak Regional Corridor Development Authority (RECODA) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihanlar melalui pos atau kurier.
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap surat berkenaan serta mempunyai catatan Nombor dan Tajuk Tender. Dokumen pelawaan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.
- Pengerusi
Lembaga Perolehan
Regional Corridor Development Authority
Level 1, LCDA Tower, Lot 2879
The Isthmus, Off Jalan Bako
93050 Kuching, Sarawak, Malaysia
8. Tempoh sah laku tender ini adalah sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup tender.
9. Regional Corridor Development Authority (RECODA) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
10. Notis ini juga boleh disemak di laman sesawang <http://www.recoda.com.my/tenders-contracts/>.


Ketua Pegawai Eksekutif
Regional Corridor Development Authority (RECODA)
12 Jun 2026